

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

JUMAAT, 23 APRIL 2021

1	Kartel daging ; tiga lelaki nafi bersalah
2	Bekalan ayam cukup hingga Aidilfitri
3	Isu harga daging tempatan; Peniaga boleh rugi
4	MAQIS Johor rampas 27 tan perut khinzir beku
5	Jaminan bekalan ayam mencukupi
6	Firm implicated in meat cartel scandal charged

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.04.2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Kartel daging: Tiga lelaki nafi bersalah

JOHOR BAHRU: Syarikat pembekal makanan sejuk beku, LY Frozen Food Sdn. Bhd. bersama pengarah dan pengurusnya mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen terhadap empat pertuduhan masing-masing bersabit kesalahan bersubahat dan memiliki barangan dilarang import bernilai RM643,465.39 Disember lalu.

Tertuduh, Yong Chee Keong, 40, pengarah syarikat membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan secara serentak bersama pertuduhan ke atas syarikat di hadapan Hakim Wan Mohd. Nor Hisham Wan Yaakob.

Chong Kim Kuang, 48, pengurus syarikat pula membuat pengakuan sama di hadapan Hakim Ahmad Fuad Othman dalam kamar berasingan.

Chee Keong yang mewakili syarikat dan dirinya didakwa

atas empat pertuduhan bersama-sama dengan seorang lagi yang masih bebas iaitu Tan Siew Huak, 42, didapati memiliki barang-barang larangan.

Sementara itu, Kim Kuang didapati bersubahat dengan syarikat LY Frozen Food Sdn. Bhd.; Chee Keong dan Siew Huak kerana memiliki barangan larangan.

Kesemua mereka dituduh melakukan kesalahan itu di premis No. 663, Jalan 3/4, Kawasan Perindustrian Desa Idaman, 81400, Senai dalam daerah Kulai pada 15 Disember 2020.

Satu pertuduhan membabitkan pelbagai barangan sejuk beku RM488,973.91 yang disimpan di dalam premis, manakala tiga pertuduhan lain membabitkan pelbagai barangan sejuk beku yang disimpan dalam tiga buah lori berbeza RM154,491.48.

Bekalan ayam cukup hingga Aidilfitri

Jaminan itu diberikan oleh beberapa pengusaha utama ayam dalam negara

Oleh MUHAMMAD AMINAN HIBRAHINI

PUTRAJAYA



ALEXANDER

A, B dan C, ikan kembung, ikan mabung, ikan selang dan ikan tongkol.

Mengulas mengenai pertambahan senarai barangan makanan khususnya berkaitan sayur-sayuran di bawah skim tersebut, Alexander berkata, pihaknya sedang menunggu masa yang sesuai untuk mengumumkan perkara tersebut.

“Yang sayur-sayuran itu kita tengok dahulu kemudian sebab buat masa sekarang belum ada indikator yang menunjukkan di mana harga sayur-sayuran yang selalunya dikawal meningkat.

“Tetapi penguat kuasa KPDNHEP sudah buat kerja-kerja awal untuk kita memikirkan bagaimana dan bila tarikhnya yang sesuai supaya tidak ada yang terjejas,” katanya.



Alexander (kanan) ketika membuat tinjauan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 di MyFarm Putrajaya pada Khamis.

Alexander berkata, dalam pelaksanaan SHMMP 2021, kementerian menggunakan pendekatan yang mesra kepada semua pihak dengan mengambil kira kesan yang ditanggung pengguna, peniaga dan pengusaha ladang.

Sementara itu, beliau berkata, peruncit barangan makanan tidak seharusnya risau mengenai kesan yang ditanggung mereka dalam pelaksanaan skim tersebut kerana KPDNHEP akan kawalan harga di seluruh rantai bekalan makanan yang terlibat.

Bekalan ayam dalam negara mencukupi sehingga selepas Hari Raya Aidilfitri, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Beliau berkata, jaminan itu diberikan oleh beberapa pengusaha utama ayam dalam negara ketika sesi libat urus yang diadakan pada Rabu.

“Selepas adakan

pertincahan dengan beberapa pengeluar ayam yang terbesar mereka beri jaminan bekalan ayam ini mencukupi sehingga selepas Aidilfitri.

“Selain itu, saya juga hubungi salah seorang pengusaha terbesar yang memiliki banyak ternakan ayam untuk memastikan perkara itu. Dia beri jaminan. Oleh itu pengguna tidak perlu risau,” katanya ketika membuat tinjauan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 di pasar tani MyFarm Outlet di sini pada Khamis.

Selain ayam, barangan makanan lain yang turut diletakkan di bawah SHMMP 2021 adalah daging lembu tempatan, daging lembu import, telur ayam gred

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.04.2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

Isu harga daging tempatan: Peniaga boleh rugi


PUTRAJAYA - Harga daging segar tempatan diumumkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menyebabkan kerugian kepada peniaga.

Pengerusi Kelab Generasi Transformasi Ruminan (GTR) Malaysia, Hussain Jaapar berkata, harga yang diumumkan iaitu RM34 dan RM36.50 di Semenanjung serta Sabah adalah harga di bawah kos pengeluaran disebabkan kenaikan kos makanan yang telah berlaku.

"Harga ditetapkan tersebut tidak munasabah dan merupakan satu kesilapan. Kelab GTR Malaysia mewakili lebih 5,000 ahli berdaftar daripada penternak ruminan seluruh Malaysia ingin menyatakan bantahan sekeras-kerasnya atas keputusan (penetapan harga) ini.

"Kami menyusul agar KPDNHEP menarik balik penetapan harga ke atas daging segar tempatan dengan kadar segera.

"Perlu ambil contoh di Sarawak yang hanya mengenakan penetapan



Dari kanan: Nordin, Hussain dan Mahfiah selepas menyerahkan memorandum bantahan isu skim harga terkawal daging segar di pejabat KPDNHEP, Putrajaya pada Khamis.

harga ke atas daging import manakala daging tempatan diniagakan secara bebas berdasarkan permintaan dan bekalan. Ia sangat ideal kerana pengguna boleh membuat pilihan untuk mendapatkan sumber daging yang murah.

"Kenaikan kos makanan ini berlaku awal tahun lalu lagi, namun masih tiada tindakan. Kerajaan perlu mencari jalan untuk mengawal perkara ini. Jadikan bahan mentah sebagai satu barang kawalan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan memorandum bantahan isu skim harga terkawal daging segar di pejabat

KPDNHEP di sini.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi GTR, Nordin Mat dan Setiausahanya, Mahfiah Mustapa.

Mengulas lanjut, Hussain berkata, penetapan atau kawalan harga ke atas daging segar tempatan perlu ditangguhkan terlebih dahulu jika kawalan kos makanan masih belum selesai.

Beliau turut mencadangkan harga daging segar tempatan dinaik kepada RM40 sekilogram.

"Kami harap KPDNHEP terima pandangan ini kerana kami lebih tahu kos bagi penternakan fidlot dan kos penternakan secara integrase," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.04.2021	HARIAN METRO	LOKAL	20

Maqis Johor rampas 27 tan perut khinzir beku

Johor Bahru: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor merampas 27 tan perut babi beku bernilai RM315,520 selepas memeriksa sebuah kontena di Pelabuhan Tanjung Pelepas di sini, pada Selasa lalu.

Pengarah Maqis Johor, Hizzuan Hasim berkata, rampasan hasil pemeriksaan ke atas kontena yang dibawa masuk dari Denmark kira-kira jam 10.30 pagi.

Katanya, pemeriksaan mendapati ada perbezaan pada dokumen kontena yang dikemukakan kepada pegawai penguat kuasa Maqis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.04.2021	HARIAN METRO	LOKAL	25

Jamin bekalan ayam mencukupi

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan ayam mencukupi walaupun selepas Aidilfitri.

Menterinya Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata, pengguna tidak perlu bimbang kerana kementerian sudah mengadakan perbincangan dengan beberapa pengeluar ayam terbesar dan mereka memberi jaminan bekalan mencukupi.

“Semalam (kelmarin) saya menghubungi seorang pengusaha ladang ternakan ayam terbesar dan beliau memberi jaminan bekalan mencukupi bagi memenuhi permintaan pasaran.

“Oleh kerana bekalan ayam mencukupi tiada alasan bagi pengusaha dan peniaga untuk tidak mematuhi harga ayam yang ditetapkan dalam Skim Harga Maksimum Musim

Perayaan (SHMMP) berkuatkuasa kelmarin,” katanya selepas

pas mengadakan tinjauan terhadap pematuhan peniaga sempena SHMMP di MyFarm Outlet Presint 9 di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Mohamad Mustahapa Awang dan Pengarah Penguat kuasa KPDNHEP, Azman Adam.

SHMMP 2021 dilancarkan di seluruh negara bermula kelmarin sehingga 30 hari iaitu 22 hari sebelum Aidilfitri, 1 Syawal dan tujuh hari selepas itu.

Skim ini membabitkan 12 jenis barangan keperluan utama bagi pelaksanaan fasa pertama berdasarkan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Alexander berkata, pada hari pertama pelaksanaan SHMMP, KPDNHEP menerima dua aduan berkenaan kenaikan harga ayam.

Menurutnya, KPDNHEP mengambil pende-

katan menasihati peniaga supaya mematuhi skim ditetapkan.

**SHMMP 2021
babitkan 12 jenis
barangan keperluan
utama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.04.2021	THE STAR	NATION	13

Firm implicated in meat cartel scandal charged

Frozen food company director and manager plead not guilty in court

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

JOHOR BARU: A frozen food supply company director and manager, implicated in the meat cartel scandal, have been charged with abetting and possessing goods prohibited from being imported amounting to some RM640,000.

LY Frozen Food Sdn Bhd together with its director Yong Chee Keong, 40, and manager Chong Kim Kuang, 48, pleaded not guilty to all four charges before Sessions Court judge Wan Mohd Nor Hisham Wan Yaakob yesterday.

According to the charge sheets, Yong, who represented himself and the company, was charged with possessing the goods amounting to RM643,465 together with one more individual, Tan Siew Huak, 42, who is still at large.

The offences were allegedly committed at a premises at the Desa Idaman industrial area near Senai in Kulai on Dec 15, 2020.

Among the items said to be in their possession were 821 boxes of frozen beef parts, 264 boxes of frozen lamb parts, and 252 boxes of

frozen chicken parts.

In a separate court before Sessions judge Ahmad Fuad Othman, Chong was charged with possessing the same items together with the company, as well as Yong and Tan.

All were charged under Section 135(1)(d) of the Customs Act, which carries a fine of not more than 20 times the amount involved or up to five years' jail or both, upon conviction.

The court set the bail amount for Yong at RM100,000 in one surety and also ordered him to report to the nearest police station twice every month.

Chong's bail was fixed at RM60,000 in two sureties with a similar condition. The case has been set for next mention on June 3.

Deputy public prosecutors Jasmee Hameeza Jaafar and Nur Suriati Mohamad prosecuted while lawyers Zamri Idrus, Ridzuan Othman and Saifuz Zaman Abd Rahman represented the accused.

Watch the video
TheStarTV.com

